

Kerana itu, kalau kamu dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah perkara yang di atas, di mana Kristus ada, duduk di sebelah kanan Tuhan.

Fikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi. Sebab kamu telah mati dan hidupmu tersembunyi bersama dengan Kristus di dalam Tuhan. Apabila Kristus, yang adalah hidup kita, menyatakan diri kelak, kamupun akan menyatakan diri bersama dengan Dia dalam kemuliaan.
Kolose 3:1-4

Mac 31, 2024

www.heraldmalaysia.com

Editor dan Sidang Redaksi
HERALD mengucapkan
SELAMAT HARI PASKAH
2024.

PASKAH: Kristus sungguh Hidup!

KENINGAU: Apakah perayaan Paskah benar-benar perayaan kebangkitan bagi kita bersama Kristus? Soalan ini diajukan kepada umat beriman oleh Uskup Cornelius Piong dari Keuskupan Keningau dalam pesan Paskahnya bertarikh Mac 18, 2024.

Bapa Uskup Cornelius memberi peringatan akibat tidak menghayati kebangkitan Kristus, maka semakin banyak tanda bahawa Tuhan disingkirkan dari kehidupan manusia!

Berikut merupakan pesan penuh Uskup Cornelius Piong:

Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam Yesus Kristus,

Selamat menyambut perayaan Kebangkitan Kristus. Apakah perayaan Paskah ini merupakan perayaan kebangkitan bagi kita bersama Kristus?

Jawapan pertanyaan ini adalah bergantung bagaimana kita memaknai perayaan Paskah dengan mengikuti persiapan sepanjang masa Pra-Paskah.

Paskah atau perayaan Kebangkitan Kristus adalah buah-buah dari pengorbanan, kesengsaraan dan kematian Yesus dikayu salib sebagai ungkapan cinta kasih-Nya dalam menyelamatkan kita manusia dari perhambaan dosa.

Perayaan Paskah kita mulakan dengan masa Pra-Paskah, masa Puasa dan Pantang selama empat puluh hari.

Sepanjang masa Pra-Paskah kita diberi



Dengan setia mengamalkan doa, puasa dan memberi sedekah, kita percaya kita juga akan bangkit bersama Kristus — Uskup Cornelius Piong. Gambar menunjukkan Uskup Cornelius memberkati Lilin Paskah dalam Misa Vigil Paskah tahun 2022.

kesempatan mengambil masa bersama Yesus dengan mengambil masa berdoa untuk mengeratkan terus iman, harapan dan kasih kita kepada-Nya (Yoh. 17:21), berpuasa dan berpantang agar kita belajar menyangkal diri dan mampu mengatasi godaan-godaan 'si jahat' (Yoh.17:15); serta memberi sedekah sebagai ungkapan konkrit cinta kasih kita kepada Yesus yang mengaku diri-Nya hadir dalam diri sesama kita manusia, "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan untuk salah seorang dari saudara-Ku yang pal-

ing hina ini, kamu telah melakukannya untuk Aku" (Mat. 25:40;45).

Dengan setia mengamalkan doa, puasa dan memberi sedekah, ia membantu kita untuk terus teguh percaya akan kebangkitan Kristus.

Dan pada Malam Paskah kita ungkapkan kesatuan, kesetiaan dan komitmen kita sebagai umat yang hidup dengan semangat kebangkitan Kristus dengan membaharui dan menetapkan kembali janji-janji Baptis kita.

Agar dapat mengalami kebangkitan bersama Kristus pada perayaan Paskah,

adalah penting melihat dan membuat refleksi apa yang kurang dan perlu diperbaiki dalam diri kita sendiri, di sekitar kita dan dunia keseluruhannya.

Dalam diri kita sendiri, bagaimana relasi, kesatuan dan kesetiaan kita dengan Yesus?

Bagaimana sikap ambil peduli dan tanggungjawab sosial kita sebagai umat Tuhan?

Banyak yang berlaku di dunia pada masa kini yang sangat menakutkan yang melibatkan manusia dan alam ciptaan Tuhan.

Semua kejahatan yang ada pada manusia adalah tanda-tanda bahawa Tuhan sedang disingkirkan dari hidup manusia.

Misi kita umat yang bangkit dan hidup bersama Kristus adalah setia memberi kesaksian bagi Kristus yang bangkit dan hidup, agar bersama-Nya kita mampu hidup dengan semangat komuniti, bersikap ambil peduli dan setia kepada Kristus dan kehendak-Nya walau apapun halangan.

Bagi saudara saudari Baptisan Baru, syabas puji Tuhan dan selamat bergabung dalam komuniti Gereja Katolik dan selamat berjalan bersama dalam Yesus Kristus, dibangun menjadi komuniti umat Tuhan yang komited dan efektif melayani Kerajaan Tuhan.

Kebahagiaan adalah Kekitaan

Cornelius Piong
Uskup Cornelius Piong
Keuskupan Keningau
Mac 18, 2024

Sepanjang Paskah hayati pelayanan kerana ia ajaran Yesus

Sepanjang 11 tahun kepausannya, Sri Paus Fransiskus tidak henti-hentinya menyeru untuk prihatin terhadap mereka yang kesepian, yang dilupakan serta terabai oleh masyarakat dan dunia.

Kita dapat melihat Bapa Suci telah mengubah kata-katanya menjadi tindakan pada hari Khamis Putih, di mana hampir setiap tahun sejak menjadi Sri Paus, beliau memilih untuk pergi ke pusat tahanan di Roma untuk membasuh kaki para banduan dari semua peringkat umur, jantina, kewarganegaraan dan agama.

Bapa Suci menggemakan dan mencerminkan sikap rendah hati Yesus terhadap murid-muridnya dan menggalakkan kita untuk melakukan perkara yang sama dalam kehidupan kita.

Berikut adalah beberapa cadangan Bapa Suci untuk membantu kita melayani orang lain pada Paskah ini, sama ada mereka adalah ahli keluarga, rakan sekerja atau orang yang tidak dikenali!

1. Jangan melayani orang lain lalu mengharap balasan

Bapa Suci menegur pelayanan yang seperti transaksi komersial. “Banyak kali terjadi dalam hidup, kita mencari kepentingan sendiri, seolah-olah kita mengenakan bayaran antara satu sama lain. Sikap ini adalah seperti membiarkan “ular” yang mematuk dan meracuni hubungan kita.

“Melayani yang lain bermakna kita adalah saudara kepada yang lain, mungkin bantuan kita dapat membuat orang lain berkembang dan mendorong orang lain. Inilah cara untuk kita memperkembangkan dan meluaskan pelayanan,” jelasnya.

2. Ambil risiko, meskipun mereka tidak mengharap kita

Memang ada orang yang tidak menerima sikap baik kita, sombong atau orang yang mungkin tidak mendoakan kita; tetapi kita

dipanggil untuk melayani lebih ramai orang seperti ini!” kata Sri Paus Fransiskus semasa homili Khamis Putih 2018.

“Saya fahami, sukar untuk melayani mereka yang menentang kita, tetapi Yesus memberi kita contoh: Yesus dipanggil Yesus; dia tidak dipanggil Pontius Pilatus. Yesus tidak tahu bagaimana untuk membasuh tangan orang: Dia hanya tahu bagaimana untuk mengambil risiko! Yesus mengambil risiko yang boleh mencederakan diri-Nya demi menyelamatkan atau menyembuhkan seseorang.

3. Jangan lihat perbezaan, agama atau status

Dua hari sebelum Khamis Putih pada tahun 2016, 32 orang maut dan ratusan lagi cedera di Brussels, Belgium akibat serangan pengganas pelampau ISIS.

Sebagai tindak balas, Sri Paus Fransiskus membasuh kaki pelarian dari semua bangsa dan agama di sebuah kem di Roma untuk mengingati bahawa kita semua adalah saudara dan saudari dan boleh melayani satu sama lain untuk keamanan.

4. Ingatlah bahawa Tuhan terlebih dahulu mengasihi dan menguduskan kita

“Kasih Yesus kepada kita tidak mengenal batas. Dia tidak pernah jemu menyayangi sesiapa. Dia menyayangi kita semua, sehingga memberikan nyawa-Nya untuk kita,” kata Sri Paus dalam homili 2015 pada Khamis Putih.

Yesus “menyerahkan nyawa-Nya untuk kita semua. Kasih Yesus tidak pernah mengecewakan, kerana Dia tidak pernah jemu mengasihi,” tegas Sri Paus.

Malah sebelum membasuh kaki para tahanan pada tahun itu, Bapa Suci mengatakan, “kita mesti yakin bahawa ketika Tuhan membasuh kaki kita, Dia membasuh kita sepenuhnya, Dia menyucikan kita, Dia membiarkan kita merasakan kasih-Nya...”

5. Miliki kerendahan hati seperti kanak-kanak

“Jika hati anda bukan hati seperti kanak-kanak, anda tidak akan menjadi murid Yesus,” kata Sri Paus Fransiskus.

Malah untuk menjadi yang terhebat dan dalam pelayanan, kita mesti meletakkan diri kita di kedudukan terakhir.

“Layanilah seorang akan yang lain, jadilah saudara dalam pelayanan, bukan sebagai seorang yang menguasai orang lain atau menindas orang lain. Dalam persaudaraan dan pelayanan harus sentiasa merendah diri,” katanya.

6. Melayani orang lain kerana ia ajaran Yesus

Semasa memimpin Misa Khamis Putih pada tahun 2013 buat pertama kalinya, Sri Paus Fransiskus mencuci kaki para banduan.

“Semasa Yesus membasuh kaki murid-murid-Nya, Petrus sama sekali tidak memahaminya, jadi dia menolak. Yesus menjelaskan kepada Petrus bahawa ia adalah sesuatu yang harus dilakukan-Nya.

Apa maksudnya “membasuh kaki sesama?” Bahawa kita semua mesti membantu antara satu sama lain. Kadangkala saya marah dengan seseorang atau orang lain ... tetapi jangan biarkan ia berlarutan dan jika dia meminta bantuan anda, bantulah dia.”

7. Dari yang terhebat kepada yang terkecil

Sri Paus Fransiskus tidak pernah mahu dilayani secara istimewa, seperti boss atau orang kenamaan. Katanya, “Orang yang kelihatan paling hebat mesti melakukan pekerjaan hamba untuk menyemai kasih.

Misalnya tawarkan bantuan untuk mereka yang memerlukan. Kita semua mewakili Kristus dan lakukanlah apa yang termampu apabila ada seseorang memerlukan pertolongan anda.”



8. Memaafkan dan memohon pengampunan

Semasa memimpin Misa Khamis Putih pada tahun 2020, Bapa Suci Fransiskus menerangkan bahawa Yesus membasuh kaki para pengikut-Nya untuk mengingatkan kita bahawa kita perlu “dibasuh” atau disucikan dari dosa.

“Jangan keras kepala seperti Petrus. Biarkan kaki anda dibasuh. Tuhan adalah hamba dan sangat dekat dengan anda. Dia memberikan anda kekuatan untuk membasuh kaki orang lain.

Untuk “dibasuh”, kita harus mengampuni dan diampuni. Tawarkan pengampunan dan penghiburan kepada mereka yang menyakit hati anda!” — *Aleteia*

Menjadi saksi kebangkitan Kristus

Bagi kita umat Kristian, Paskah adalah sesuatu pemberian kepastian bahawa kematian bukanlah akhir hidup kita seutuhnya.

Kebangkitan Yesus merupakan bukti, bahawa Tuhan selalu mendampingi dan memberi kekuatan kepada kita, untuk senantiasa tekun dan teguh, tetap kuat mengalami apa pun percubaan hidup.

Paskah memberikan kepada kita suatu jatidiri, identiti murni yang pasti: kita ini diselamatkan, maka sebagai orang beriman Kristian, jangan sampai hidup dengan ketakutan dan kehilangan harapan!

Semasa Minggu Suci, khususnya Triduum, kita telah mendengar betapa besar perhatian dan rencana kasih Tuhan demi menyelamatkan kita.

Kita juga mendengar kesaksian tiga orang wanita (Maria Magdalena, Maria ibu Yakobus dan Salome) tentang kebangkitan Yesus.

Dalam empat Injil, Maria Magdalena diceritakan sebagai seorang wanita dari Galilea, yang mengikuti Yesus dan murid-murid-Nya.

Dia melayani Yesus dan hadir menyaksikan ketika Yesus disalib dan dimakamkan serta datang ke makam untuk mengurapi

jenazah Yesus.

Perlu kita perhatikan, bahawa Yesus hidup dalam masyarakat yang bercorak ‘androsentris’ atau berpusat pada atau dikuasai oleh lelaki.

Wanita pada ketika itu tidak mempunyai hak sebagai saksi dan tidak boleh belajar Taurat. Yesus yang hidup dalam masyarakat itu bertindak tanpa mengurangi martabat wanita. Dia bergaul dan menghormati wanita serta bersahabat dengan mereka.

Dalam Injil Yohanes 20:11-18 diceritakan, bahawa Maria Magdalena sedih dan menangis kerana Yesus ternyata tidak ada di makam.

Yesus menegur wanita itu: “Ibu (‘wanita’, ‘perempuan’) mengapa engkau menangis? Siapakah yang engkau cari?”

Maria Magdalena menjawab: ‘Tuan, jikalau Tuan yang mengambil Dia, katakanlah kepadaku, di mana Tuan meletakkan Dia, supaya aku dapat mengambil-Nya’ (ay. 15).

Jawaban Yesus: “Maria!” Maria Magdalena berkata kepada-Nya dalam bahasa Ibrani: “Rabuni!” ertinya ‘Guru’ (ay. 16).

Dalam tutur kata itu terungkaplah

hubungan ‘Guru-Murid’ yang erat antara Yesus dan Maria Magdalena, juga dengan murid-murid-Nya.

Dan hubungan erat itu terungkap dalam ucapan Yesus ini: “Pergilah kepada saudara-saudara-Ku dan katakanlah kepada mereka, bahawa sekarang Aku akan pergi kepada Bapa-Ku dan Bapamu, kepada Tuhan-Ku dan Tuhanmu” (ay. 17).

Ternyata cara Tuhan menyampaikan sabda dan kehendak-Nya kepada manusia tidak tergantung dari tata susunan atau tata tertib, yang dibuat dan ditentukan oleh manusia. Hirarki karya penyelamatan Tuhan memiliki caranya sendiri.

Maria Magdalena, seorang perempuan yang dalam masyarakat zamannya mempunyai kedudukan kedua sesudah lelaki, Yesus menampakkannya diri-Nya sesudah bangkit bukan pertama-tama kepada Petrus dan para Rasul lainnya, tetapi kepada Maria Magdalena.

Kepada Maria Magdalena inilah Yesus memberikan tugas perutusan pewartaan tentang kebangkitan-Nya.

Inilah sebabnya Gereja Perdana menyebut Maria Magdalena ‘Apostola Apotolorum’, Rasul Para Rasul. Sebab Maria Magdalena adalah wanita dan orang

HARI RAYA PASKAH KEBANGKITAN TUHAN

KISAH PARA RASUL 10:34A-37-43

KOLOSE 3:1-4

INJIL YOHANES 20:1-18

pertama yang menyaksikan Yesus yang telah bangkit danewartakan kebangkitan-Nya itu kepada rasul-rasul lain.

Inilah salah satu bahagian isi Khabar Gembira Paskah, yang sekarang, masih patut untuk diperhatikan bahawa martabat wanita adalah sama dengan lelaki di hadapan Tuhan.

Wanita juga diutus Yesus Kristus untukewartakan khabar gembira kepada semua orang.

Kebangkitan Yesus Kristus adalah jaminan kebenaran agama Kristian.

Maka setiap pemeluk agama Kristian, bila ingin menjaga kesungguhan atau kesetiaan jatidirinya sebagai orang Kristiani, harus menyedari tanggung jawabnya untukewartakan kebangkitan Yesus kepada semua orang. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, iman Katolik*

Siapakah kamu memikul Salib?

GEMAS: *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA)* telah melaksanakan program susulan jangkauan (*outreach*) untuk Komuniti Umat berbahasa Malaysia (KUBM) di paroki St Christopher Gemas, Negeri Sembilan pada Mac 2-3 lalu. Program jangkauan pertama pernah dilaksanakan pada Februari 18-19, lepas. Program susulan ini bertema 'Menghidupi Panggilan Melalui Pelayanan' merupakan anjuran bersama ABMA dengan KUBM St Christopher.

ABMA turut bekerjasama dengan *Archdiocesan Office for Human Development (AOHD)* bagi memperkenalkan fungsi AOHD dan pelaksanaan kempen Pra-Paskah 2024.

Program selama dua hari tersebut telah dihadiri seramai 70 peserta dan merangkumi enam sesi.

Sesi pertama yang dikendalikan oleh Sdri Adira Galusin menjelaskan fungsi AOHD iaitu pelayanan pembangunan insan untuk Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Ini disusuli dengan sesi kedua oleh Brother Charles yang memberi penekanan tentang "Keinsafan, Berpantang dan Persiapan".

Sesi Pengakuan Dosa diikuti Misa Kudus diadakan pada sebelah petang yang dipimpin oleh Fr Albet Arockiasamy, Fr Nicholas Hoh OCD dan Fr George Ho OCD.



Program jangkauan kali kedua ABMA di Gereja St Christopher, Gemas.

Sesi ketiga, iaitu Bengkel SWOT (*Strength-Weakness-Opportunity-Threat*), membawa peserta menilai semula pelayanan mereka semenjak program jangkauan pertama iaitu dengan menilai semula kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman. Kemudian, secara berkumpulan, mereka membentangkan hasil perbincangan.

Hari kedua dimulakan dengan doa. Seterusnya, dalam Sesi Empat dan Lima, topik 'Percaya' dan 'Mengasihi' telah

disampaikan oleh Sdra Egbert dan dibantu oleh Sdri Elena.

Egbert mengongsikan bagaimana 'Percaya' boleh diukur dengan menggunakan tiga faktor iaitu Kebolehan, Kebaikan, dan Integriti Yesus.

Dengan menggunakan tiga faktor tersebut, para peserta diminta untuk menilai kembali pelayanan mereka dengan doa soalan renungan: "Adakah saya sanggup mengambil risiko?" dan "Adakah saya mahu memikul salib?"

Sesi terakhir dikendalikan oleh Sdra Walter dan Spencer tentang teknik 'Melihat, Menilai dan Bertindak' (*See, Judge, Act*).

Analisis berkumpulan menggunakan kajian kes dijalankan dengan menggunakan soalan-soalan terbimbing bagi membantu para peserta memahami teknik 'Melihat, Menilai dan Bertindak'.

Program ini diakhiri dengan sesi perkongsian aktif daripada peserta mengikut kumpulan. — *Elena Woo*

Kekudusan dorong umat tinggalkan cara hidup lama



KUALA LUMPUR: Lebih 50 peserta menyertai retreat Pra-Paskah di Gereja Holy Redeemer pada Mac 9 lalu.

Penceramah ialah Sdra Spencer Klumai dari *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA)*.

Spencer menerangkan apa itu Pra-Paskah dan Hari Kebangkitan Tuhan (Paskah).

Beliau menerangkan musim Pra-Paskah adalah tempoh kita berpuasa selama 40 hari kecuali hari Minggu. Pra-Paskah selalu dikaitkan dengan tiga amalan suci iaitu berpuasa, berpantang dan bersedekah.

Penceramah itu kemudiannya menceritakan sejarah Pra-Paskah di Perjanjian Lama seperti Nabi Musa yang berpuasa di Gunung

Sinai sebelum menerima Sepuluh Hukum Tuhan.

Seterusnya, Sdra Spencer menekankan bahawa musim Pra-Paskah adalah peluang yang diberikan kepada kita untuk melihat serta merenung kembali hubungan kita dengan Tuhan dan bertaubat.

Para peserta juga diberi pencerahan tentang disiplin "penolakan diri" sepanjang musim Pra-Paskah misalnya berpantang daging pada setiap Jumaat, berhenti dari tabiat kurang baik misalnya merokok dan mengambil alkohol dan memperbaiki hubungan dengan Tuhan misalnya memperbanyakkan doa, membaca firman-Nya dan membantu mereka yang memerlukan. — *Crystal Sheejay*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Pengampunan Apostolik

Ketika seseorang semakin dekat dengan pintu kematian, ada satu berkat khusus untuknya bagi saat yang suci iaitu: Pengampunan Apostolik.

Pengampunan Apostolik boleh diberikan oleh mana-mana paderi dan ia mempunyai kuasa istimewa untuk menghapuskan semua hukuman duniawi akibat dosa.

Ini adalah doa yang indah dan bertujuan untuk mempercepatkan jiwa yang bertaubat ke pintu Syurga, menghapuskan hukuman akibat dosa yang telah mereka akui, atau sekurang-kurangnya, telah bertaubat sepenuhnya dari dalam hati mereka.

Ini tidak menjamin seseorang akan terus ke Syurga, tetapi ia membersihkan segala-galanya agar jiwa boleh bebas memilih untuk berlari ke arah dakapan Yesus.

Ensiklopedia Katolik memberi penerangan apa itu Pengampunan Apostolik dan keperluan untuk melaksanakannya.

"Pengurapan orang sakit biasanya digantikan dengan pemberian berkat Apostolik atau biasanya disebut "berkat terakhir".

Untuk berkat ini, indulgensi pleno dilampirkan, untuk diperolehi, bagaimanapun, hanya pada saat kematian, iaitu ia diberikan *nunc pro tunc*. Ia dianjurkan berdasarkan fakulti khusus yang diberikan kepada para uskup dan oleh mereka diwakilkan secara umum oleh paderi.

Syarat-syarat yang diperlukan untuk memperoleh Pengampunan Apostolik ialah penyembahan kepada Nama Suci Yesus sekurang-kurangnya

secara mental, tindakan penyerahan iaitu orang yang hampir mati menyatakan kesediaannya untuk menerima semua penderitaannya sebagai penebusan dosa-dosanya dan menyerahkan dirinya sepenuhnya kepada kehendak Tuhan...

Menurut Sto Augustine, "walau serapuh mana pun kehidupan yang telah dilalui, tidak ada orang Kristian yang mengalami 'kematian' tanpa pertaubatan."

Doa adalah tindakan belas kasihan yang tertinggi dan mempunyai kuasa yang besar, menggunakan kuasa yang diberikan kepada Sto Petrus untuk "mengikat dan melepaskan" (Matius 16:19).

Ini adalah hadiah kepada jiwa di ranjang kematian mereka dan mempunyai manfaat tambahan untuk memberikan kedamaian kepada keluarga dan rakan-rakan, meyakinkan mereka bahawa mereka telah melakukan semua yang mereka boleh, demi membawa jiwa lebih dekat ke pintu syurga.

Pengampunan Apostolik biasanya diberikan dengan Sakramen Pengurapan Orang Sakit.

Katekismus Gereja Katolik (KGK) menjelaskan tentang sakramen Pengurapan.

KGK 1511: Gereja percaya dan mengakui bahawa di antara tujuh Sakramen ada satu yang sangat khusus ditentukan untuk menguatkan orang-orang yang diubai oleh penyakit: Urapan Orang Sakit.

"Urapan Orang Sakit yang kudus ini ditetapkan

oleh Kristus Tuhan kita, sebagai Sakramen Perjanjian Baru yang sebenarnya dan sesungguhnya, dikatakan oleh Markus (Bdk. Mrk 6:13) tetapi dianjurkan kepada orang beriman dan diumumkan oleh Yakobus, Rasul dan saudara Tuhan."

KGK 1514: Urapan orang sakit "bukanlah Sakramen bagi mereka yang berada di ambang kematian saja. Maka saat yang baik untuk menerimanya pasti sudah tiba, bila orang beriman mulai ada dalam bahaya maut kerana menderita sakit atau sudah lanjut usia."

KGK 1515: Kalau seorang sakit yang telah menerima urapan ini sihat kembali, maka dia dapat menerima lagi Sakramen ini semasa kembali sakit berat. Digalakkan agar seorang yang menghadapi operasi besar untuk menerima Urapan Orang Sakit. Demikian juga berlaku untuk orang tua uzur yang kekuatannya mulai melemah.

KGK 1516: Hanya paderi (Uskup dan presbiter) adalah pemberi Urapan Orang Sakit. Para pastor mempunyai kewajiban untuk mengajar umat beriman mengenai daya guna yang menyelamatkan dari Sakramen ini. Umat beriman hendaknya menggalakkan orang sakit, supaya memanggil paderi dan menerima Sakramen ini.

Orang sakit harus mempersiapkan diri untuk itu, supaya menerimanya dalam keadaan batin yang baik. Para pastor dan seluruh jemaat hendaknya membantu mereka dan menyertai mereka dalam doa dan perhatian persaudaraannya. — *Alecia/Katolisitas*

Sahabat kecil Yesus

Baca petikan Yohanes 20:1 dan Yohanes 20: 9 untuk mengisi jawapan yang betul pada tempat kosong.



1. Pada hari _____ minggu itu, _____ benar ketika hari masih _____, pergilah _____ ke _____ itu dan dia melihat bahawa _____ telah diambil dari _____ . (Yoh 20:1)



2. Sebab selama itu mereka belum _____ isi Kitab Suci yang _____ , bahawa Dia harus _____ dari antara orang _____. (YOH 20: 9)

pagi-pagi kubur pertama

mengerti mati

batu Maria Magdalena

mengatakan bangkit kubur

Sempena Paskah, mari kita gunting, warna dan berikan kad penanda buku di bawah untuk rakan-rakan adik-adik.

<p>Cepatlah pergi dan beritahukan murid-murid-Nya bahawa Dia sudah bangkit dari antara orang mati ... (Mat 28:7)</p> 	<p>Yesus sudah BANGKIT! Alleluia!</p> 	<p>Selamat Hari Paskah</p> <p>Alleluia! Kristus telah bangkit!</p> 
--	---	---



YESUS TELAH BANGKIT!
ALELLUIA... ALELLUIA!

Adik-adik, Selamat Hari Paskah, hari kebangkitan Yesus yang penuh mulia!

Hari Paskah adalah hari gembira. Mengapa? Kerana Yesus telah bangkit, Dia adalah Tuhan yang sungguh-

sungguh Hidup dan Hadir di tengah-tengah kita, kelmarin, sekarang dan selama-lamanya.



"Pada hari ini Tuhan bertindak! Mari kita rayakan dengan gembira" (Mzm 118:24). Mengapa kita bergembira hari ini? Kita bergembira kerana iman/kepercayaan kita diteguhkan. Kebenaran yang kita imani mengalahkan kepalsuan, keadilan menyingkirkan ketidakadilan, kehinaan Yesus berubah menjadi kemuliaan!

Adik-adik, semoga pada hari Paskah ini, kita benar-benar mengalami sukacita kebangkitan Yesus. Marilah terus berdoa dan yakin bahawa Kristus selalu akan menang dalam mendampingi hidup kita untuk mengatasi segala pencubaan!

Auntie Melly

C
A
R
I
L
A
P
A
N

P
E
R
B
E
Z
A
A
N



BELIA MILENIUM

Kaum muda Sarikei berziarah ke Keuskupan Agung Kuching

KUCHING: Sekumpulan belia mengalami pelbagai pengalaman menarik semasa mengunjungi beberapa Gereja, biara, seminari dan galeri sejarah Katolik.

Baru-baru ini, seramai 46 belia St Francis of Assisi Pakan, Sarikei berziarah ke Keuskupan Agung Kuching.

Ziarah itu dimulakan dengan Misa Kudus dan Ibadat Jalan Salib di Chapel *Mount Hosanna*, Sri Aman yang dipimpin oleh Fr Henry Jimby.

Semasa melawat ke Biara *Sisters of St Francis* di Padungan, para belia disambut oleh Sr Rowena, Sr Delicia dan Sr Dianna. Para Sister menceritakan tentang kehidupan harian rohani mereka dan berkongsi tentang panggilan serta mengingatkan para belia bahawa hidup ini sangat indah lebih-lebih lagi dengan berpandukan iman.

Di Seminari Tinggi Kolej Sto Petrus, para belia dilayan mesra oleh salah seorang pensyarah iaitu Fr Francis Dakun.



Para penziarah muda dari St Francis of Assisi Pakan, Sarikei semasa berada di Gereja St Ann Kota Padawan.

Lawatan ke seminari mendorong para belia merenung panggilan mereka dan semangat untuk memperkasa pelayanan.

Kemudian, para penziarah muda itu mengunjungi Biara Karmelit, Katedral St Joseph dan Galeri Sejarah, yang memperkaya pengetahuan para belia tentang hidup kudus, memahami warisan dan tradisi Gereja yang kaya.

Para belia bermalam di Pusat Sto Lukas Kota Padawan, di mana sesi sebelah petang diisi dengan doa dan perkongsian bersama komuniti tempatan.

Kemuncak ziarah para belia ini ialah menghadiri Misa Senja dan sesi penyembahan yang dipimpin oleh Fr Don Don Ramirez, OFM di Gereja St Ann.

Ziarah belia itu diakhiri di Ger-

reja St Peter Padungan di mana mereka dialu-alukan oleh paderi paroki, Fr Vincent Chin dan Fr Ramon Borja, SDB. Kedua-dua paderi itu memberikan kata-kata semangat dan beberapa nasihat bijak kepada para kaum muda tentang menyebarkan kasih Tuhan dan sentiasa membuat kebaikan khususnya kepada mereka yang memerlukan.

“Saya berasa sangat diberkati kerana dapat mengikuti perjalanan ziarah ke Keuskupan Agung Kuching. Pengalaman spiritual yang saya perolehi sangat luar biasa. Dari kunjungan ke biara, ke Gereja sehinggalah aktiviti berdoa bersama umat setempat, semuanya membuat saya merasa lebih dekat dengan Tuhan,” kata Edern Jeremy Sunang, salah seorang peserta ziarah.

Bagi Elvian Matherll, “Pengalaman ziarah ini bukan sahaja membuka mata iman saya terhadap panggilan, kehidupan bakti dan keindahan hidup selibat, tetapi juga mengeratkan lagi hubungan sesama belia St Francis of Assisi.

“Selepas pulang dari ziarah ke Keuskupan Agung Kuching, saya sangat tersentuh dan mengingatkan saya betapa pentingnya memperkasakan iman demi membangun kerajaan Tuhan,” ujar Lucy Lolita Layam.

Lucy menambah, “Para paderi, Sister dan umat setempat yang kami temui sepanjang ziarah memberikan banyak nasihat dan dorongan untuk tekun berdoa!”

— *Today's Catholic*



CSSUM anjur Hari Keluarga

PETALING JAYA: Persatuan Mahasiswa Katolik Universiti Malaya (CSSUM), menganjurkan Hari Keluarga tahunan pada Mac 9 lalu di Dewan Perdana 1, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya.

Seramai 40 orang mahasiswa dari pelbagai bidang pengajian menghadiri majlis itu yang turut dihadiri oleh Prof Madya Dr Patricia Nore Riget, Fr Alberto Irenus SJ dari Gereja St Francis Xavier serta Prof Christopher Ng dan isteri.

Mahasiswa baharu CSSUM diberi peluang untuk menerajui Hari Keluarga ini di bawah bimbingan senior mereka.

Hari Keluarga adalah acara yang memupuk perpaduan di kalangan pelajar Katolik dan memperdalam hubungan mereka dengan Tuhan.

Acara dimulakan dengan doa pembukaan diikuti sesi *ice breaking* agar mahasiswa saling

berkenalan dan mesra di antara satu dengan yang lain.

Semasa permainan ABC, Annette Rudy Balamun, Ketua Aktiviti, menyatakan kegembiraannya, “Sungguh mengharukan melihat semua mahasiswa bergembira dan bekerjasama dalam permainan yang bermatlamat memupuk persahabatan baharu di kalangan pelajar Katolik.”

Selain itu, para mahasiswa juga menyertai sesi pujian dan penyembahan di mana Roh Kudus memenuhi suasana.

Prof Madya Dr Patricia mengetuai sesi perkongsian rohani tentang kehidupan sehariannya semasa Pra-Paskah dan kepentingan meluangkan masa untuk Tuhan serta beramal.

Selain itu, senior CSSUM, Isaiah Disimond berkongsi pengalaman transformatifnya semasa berziarah di Korea Selatan, yang memberi kesan positif terhadap iman-

nya sebagai pelajar Katolik.

Ramai hadirin memberikan maklum balas positif tentang Hari Keluarga. Thierry Harry, naib pengarah Hari Keluarga CSSUM, berkata, “Sebagai seseorang yang terlibat dalam pengurusan acara, majlis ini bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga memberi kesempatan kepada setiap ahli jawatankuasa melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna.”

Lavannya Edmond, Ketua Jabatan Multimedia, mengatakan, “Kehidupan universiti boleh mencabar, terutamanya berjumpa dengan keluarga.

“Hari Keluarga ini mengingatkan kita bahawa, dalam Kristus, kita semua adalah saudara dan saudari, sentiasa ada untuk satu sama lain,” ujar Lavannya.

Hari Keluarga diakhiri dengan doa oleh Jocelyn Dania Macdonald, setiausaha CSSUM.

Kanak-kanak Syria perlu bantuan kemanusiaan sekarang!

DAMASCUS: 13 tahun sejak perang saudara di Syria, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan bahawa “hampir 7.5 juta kanak-kanak di negara itu memerlukan bantuan kemanusiaan — malah lebih mendesak berbanding semasa konflik.”

UNICEF menyatakan bahawa kira-kira 650,000 kanak-kanak di bawah umur lima tahun mengalami kekurangan zat makanan kronik. Bilangan ini meningkat kira-kira tiga puluh peratus dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Selanjutnya, kira-kira satu pertiga daripada semua kanak-kanak di Syria dilaporkan mengalami tekanan psikososial di mana kanak-kanak perempuan lebih mudah terdedah daripada kanak-kanak lelaki.

Pengarah Serantau UNICEF untuk Timur Tengah dan Afrika Utara, Adele Khodr berkata, “Realiti yang lebih menyedihkan



Kanak-kanak Syria lebih mudah terdedah kepada tekanan psikososial.

ialah hari ini dan pada hari-hari mendatang, ramai kanak-kanak di Syria akan meraikan ulang tahun ke-13 mereka, menjadi remaja, mengetahui bahawa seluruh zaman kanak-

kanak mereka sehingga kini telah ditandai dengan konflik, perpindahan dan serba-serbi kekurangan.”

Adele menambah, kanak-kanak Syria “memerlukan penyelesaian jangka panjang secara damai. Tetapi kita tidak boleh menunggu sahaja perkara itu berlaku.”

UNICEF menyatakan bahawa agensi itu memerlukan lebih daripada 400 juta dolar “untuk menyediakan talian hayat penting kepada lebih lapan juta orang, termasuk lebih lima juta kanak-kanak.”

Adele berkata, “Sokongan berterusan daripada masyarakat antarabangsa adalah mustahak untuk memulihkan sistem menyeluruh perkhidmatan sosial asas yang penting seperti pendidikan, air dan sanitasi, kesihatan, pemakanan, perlindungan kanak-kanak dan sosial, memastikan tiada kanak-kanak di Syria tertinggal.” — *media Vatikan*

Dipanggil untuk menyemai benih harapan

VATIKAN: “Hidup kita lebih gembira apabila kita mengetahui siapa diri kita, apakah anugerah kita, di mana kita boleh mengongsikannya dan jalan mana yang perlu kita ikuti demi menjadi tanda dan instrumen cinta, kemurahan hati, keindahan dan damai, di mana sahaja.”

Demikian pesan ringkas sempena Hari Doa Panggilan Sedunia ke-61 yang dirayakan oleh Gereja pada April 21, 2024.

Pesan itu dikeluarkan pada hari Mac 19 dengan tema, “Dipanggil untuk menyemai benih harapan dan untuk membina keamanan.”

Bapa Suci menyatakan bahawa semua orang Kristian dipanggil untuk mengalu-alukan panggilan Tuhan untuk melayani Dia di dunia, sama ada melalui kehidupan tertahbis, imamat, berkahwin bahkan sebagai seorang bujang.

Bersyukur harus menjadi ciri sambutan Hari Panggilan Sedunia, kerana kita memperingati ramai orang Kristian yang berkhidmat kepada Tuhan dalam semua bidang kehidupan.

Bapa Suci khususnya menjemput orang muda untuk memberi ruang kepada Tuhan, supaya mereka mendapat kebahagiaan dalam panggilan-

lan-Nya, yang sentiasa menghormati kebebasan kita.

“Biarkan Yesus menarik anda kepada-Nya,” kata Sri Paus. “Ajukan kepada-Nya soalan-soalan penting anda dengan membaca Injil; biarlah Dia mencabar kamu dengan kehadiran-Nya, yang sentiasa menimbulkan krisis yang sihat dalam diri kita.”

Sri Paus Fransiskus seterusnya mengajak orang Kristian untuk menjadi “penziarah harapan” semasa Gereja menuju ke Jubli 2025.

Di tengah-tengah pelbagai jenis karisma dan panggilan dalam Gereja, umat Tuhan dibimbing oleh Roh Kudus dan membentuk Tubuh Kristus sebagai ahli keluarga besar.

“Dalam pengertian ini, Hari Doa Sedunia untuk Panggilan mempunyai sifat sinodal: di tengah-tengah kepelbagaian karisma kita, kita dipanggil untuk mendengar satu sama lain dan untuk berjalan bersama-sama dan untuk meneliti ke mana Roh demi kebaikan bersama.”

Sri Paus juga menggesa semua orang untuk berdoa memohon panggilan kepaderian dan religius, agar Tuhan boleh “mengutus pekerja-



Bapa Suci menyeru kaum muda agar berani meneroka panggilan Tuhan. Gambar: Media Vatikan.

pekerja ke ladang-Nya.” Pada akhir pesannya, Sri Paus mengajak umat Kristian untuk bangkit dan merangka panggilan kita dengan membenarkan Roh Kudus membimbing kita. — *media Vatikan*

Uskup Indonesia sangkal laporan kunjungan Bapa Suci

JAKARTA: Ketika Timor-Leste bersedia untuk menjadi tuan rumah bagi menyambut kunjungan Sri Paus Fransiskus ke wilayah itu, para uskup di Indonesia menafikan khabar angin lawatan Bapa Suci ke negara Islam terbesar di dunia tahun ini.

“Maklumat yang diedarkan melalui pelbagai platform media sosial mengenai masa, tempat dan peristiwa lawatan Bapa Suci ke Indonesia adalah tidak benar,” kata Konferensi para Uskup Katolik Indonesia dalam satu kenyataan pada Mac 18.

“Tiada pengumuman rasmi mengenai lawatan ini, sama ada dari Vatikan atau kerajaan Indonesia,” katanya.

Sidang Uskup mengumumkan hal itu selepas berita mengenai kemungkinan lawatan Bapa Suci Fransiskus ke Indonesia membanjiri saluran web dan media sosial Indonesia.

Katolikku.com, portal berita Katolik melaporkan bahawa sebuah jawatankuasa, yang diketuai oleh Ignasius Jonan, seorang Katolik dan bekas menteri tenaga, telah ditubuhkan untuk menyelia lawatan itu.

“Kami baru sahaja menerima mesej *WhatsApp* yang mengatakan bahawa Bapa Suci Fransiskus akan melawat Indonesia dari September 2-6, 2024,” tulisnya.

Pojokdurasi.com, sebuah portal berita, menulis bahawa Bapa Suci Fransiskus akan mengetuai Misa di tiga lokasi di Indonesia.

Fr Paulus Christian Siswantoko, setiausaha eksekutif konferensi para Uskup Katolik Indonesia bagaimanapun berkata, memang benar ada rancangan untuk menjemput Bapa Suci Fransiskus ke Indonesia.

“Tetapi, kami memerlukan pengesahan daripada Takhta Suci dan kerajaan Indonesia,” katanya.

Fr Anthonius Lalu, setiausaha konferensi para Uskup Katolik Indonesia untuk Komisi Komunikasi Sosial meminta agar umat Katolik tidak menyebarkan berita yang belum lagi disahkan. — *ucanews.com*

Kelonggaran peraturan beri nafas pada sekolah minoriti

BENGARULU, Karnataka: Pemimpin Kristian mengalu-alukan pembatalan klausa kontroversi, bahawa langkah itu memudahkan institusi pendidikan mendapatkan status minoriti daripada negeri itu.

Negeri Karnataka pada Mac 16, memansuhkan klausa yang mengatakan sekurang-kurangnya 25 peratus pelajar daripada komuniti minoriti harus belajar di sekolah untuk diluluskan oleh kerajaan sebagai institusi minoriti.

Pemberian status minoriti kerajaan mem-

bantu institusi minoriti menyebarkan kepercayaan mereka, selain membantu mereka mendapatkan pembiayaan negeri dan bantuan kewangan untuk pentadbiran.

Sehingga kini, minoriti agama yang menguruskan sekolah terpaksa mengasingkan 25 peratus tempat duduk mereka untuk masyarakat, kata Fr Francis Almeida, pengarah pendidikan Majlis Uskup Katolik Serantau Karnataka (KRCBC).

Bagi institusi pengajian tinggi, sekurang-kurangnya 50 peratus kerusi perlu dikhaskan

untuk masyarakat, tambahnya.

Jabatan Kebajikan Minoriti kerajaan negeri di Karnataka kini telah menghapuskan klausa-klausa ini dan “ini adalah satu kelengkapan besar bagi kami,” kata Fr Almeida.

Satu-satunya syarat untuk memberikan status minoriti sekarang ialah dua pertiga ahli masyarakat atau amanah yang memiliki institusi pendidikan minoriti mestilah daripada komuniti minoriti tunggal, kata Almeida.

Perlembagaan India membenarkan kumpulan minoriti agama dan linguistik untuk memiliki dan mengurus institusi pendidikan demi kebaikan komuniti mereka.

Menurut Banci 2011, hampir 16.28 peratus daripada 61 juta negeri itu datang daripada enam agama minoriti India — Islam, Kristian, Sikh, Jain, Buddha dan Parsis.

Gereja mengendalikannya beribu-ribu institusi pendidikan di negeri ini. Mereka berdepan ancaman kehilangan status minoriti kerana terdapat penurunan drastik dalam bilangan pelajar Kristian di institusi mereka. “Keputusan kerajaan sesungguhnya akan memberikan manfaat kepada kumpulan-kumpulan minoriti,” ujar Fr Almeida. — *Ucanews.com*



Perlembagaan India membenarkan kumpulan minoriti agama untuk mengendalikan institusi pendidikan minoriti. — Gambar: Media Vatikan.

AUDIENSI MINGGUAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Sikap waspada, salah satu tonggak kebajikan

KOTA VATICAN: Yesus bukan sahaja mahu kita menjadi orang kudus, tetapi menjadi orang yang “berwaspada” dan dengan mengamalkan sifat berhemat, berjaga-jaga dan menilai, ia membantu kita menjadi semakin bijaksana.

Kata-kata tersebut disampaikan oleh Sri Paus Fransiskus semasa Audiensi Umum minggunya pada pagi Rabu, Mac 20 di Vatikan.

Bermula Mac 20, Sri Paus meneruskan siri katekesisnya mengenai kejahatan dan kebajikan. Selepas beberapa bulan mendedikasikan katekesis bertema kejahatan, prelatus itu beralih kepada kebajikan dan minggu tersebut, Bapa Suci menerangkan tentang nilai berwaspada atau berhati-hati.

“Berwaspada” adalah salah satu daripada empat kebajikan utama “adalah tonggak kehidupan Kristian yang bersepadu.”

Yesus sering menggalakkan murid-murid-Nya untuk melaksanakan kebajikan ini, terutamanya dalam Perumpamaan.

“Berwaspada,” jelas Sri Paus, “bukan sifat orang yang pemalu, bukan sikap yang teragak-agak tentang tindakan yang perlu diambil” dan bukan juga “sekadar berhati-hati.”

Sebaliknya, berwaspada bermaksud “tindakan manusia berdasarkan kebijaksanaan dan kebebasannya.”

Nilai kebaikan “berwaspada” menggabungkan kecerdasan dan kreativiti dengan berkesan, membantu kita memahami kerumitan situasi dan menilai dengan teliti penyelesaian yang mungkin.



Sri Paus Fransiskus melambai kepada para penziarah semasa audiensi mingguan pada Mac 20, di Vatikan. Gambar: Media Vatikan.

Sri Paus menyatakan berwaspada adalah tindakan kebijaksanaan hasil mencermati pengalaman masa lalu sambil menjangkakan keperluan masa depan. Bapa Suci mengingatkan bahawa Doktor Gereja, Sto Thomas Aquinas, memanggil kebijaksanaan “alasan yang betul dalam tindakan.”

“Tetapi ini tidak bermakna mereka tidak membuat kesilapan. Kita semua manusia,” tambahnya, “tetapi sekurang-kurangnya mereka mengelak kesilapan besar.”

Bapa Suci menggambarkan petikan Injil yang “membantu mendidik kita” dalam kebijaksanaan, misalnya perumpamaan “orang yang bijak membina rumahnya di atas batu, dan orang yang tidak berwaspada

membina rumahnya di atas pasir,” dalam Injil Matius.

Sikap berwaspada juga ditegaskan oleh Yesus semasa mempersiapkan murid-murid-Nya untuk misi pelayanan: “Lihatlah, Aku mengutus kamu seperti domba ke tengah-tengah serigala, kalian harus berwaspada seperti ular dan tulus seperti merpati” (Mat 10:16).

Melalui firman Tuhan, “Dia bukan sahaja mahu kita menjadi orang kudus, Dia juga mahu kita menjadi orang kudus yang bijak,” ujar Sri Paus Fransiskus sambil menggalakkan umat beriman untuk mengamalkan sikap berwaspada dalam perjalanan ziarah kita di bumi menuju ke kerajaan Syurgawi. — *media Vatikan*

Nasihat para santo ketika dalam percubaan

Orang-orang kudus adalah sumber kebijaksanaan yang hebat di mana kita sebagai umat Katolik diinspirasi menjalani kehidupan biasa kita dengan cara yang luar biasa.

Nasihat-nasihat dari para santo:

1. “Bersukacitalah di mana pun kamu berada, selama kamu ada di sini, Tuhan itu sangat dekat: janganlah kamu khuatir tentang apa pun.” (Sto Augustinus)

2. “Untuk sentiasa bersatu dengan Yesus Kristus kita mesti melakukan segala-galanya dengan tenang, tanpa bimbang tentang kesukaran yang mungkin timbul. Tuhan tidak tinggal di dalam hati yang gelisah.” (Sto Alphonsus Liguori)

3. “Jiwa yang berjalan menuju Tuhan tetapi tidak melepaskan kerisauannya atau mengawal hawa nafsunya adalah seperti orang yang menolak pedati ke atas bukit.” (Sto Yohanes dari Salib)

4. “Walaupun anda melakukan banyak perkara, anda tidak akan maju ke arah kesempurnaan jika anda tidak belajar untuk menafikan kehendak anda dan menyerahkan diri anda, tidak meninggalkan keasyikan dengan diri anda dan dengan perkara-perkara duniawi anda.” (Sto Yohanes dari Salib)

5. “Jangan biarkan dirimu diganggu, dan jangan berhenti berdoa kerana itulah kehendak syaitan.” (Sto Teresa dari Avila)

6. “Jangan biarkan fikiran dan khayalan kita mengganggu kita... antidotnya ialah bersabar dan menderita demi kasih Tuhan.” (Sto Teresa dari Avila)

7. “Apabila saya berbelah bahagi dalam hati, ini berpunca kerana saya tidak bersatu dengan Tuhan.” (Sto Bernard)

8. “Besarlah kelemahanku, tetapi Tuhan maha berkuasa; Saya meletakkan semua kepercayaan saya hanya kepada-Nya.” (Sto Francis Xavier)

9. “Hiduplah dalam aman, jangan tertipu oleh sang jahat.” (Sto Pio of Pietrelcina)

10. “Berdoa, tunggu dan jangan bersungut. Bersungut itu merugikan. Tuhan berbelas kasih dan pasti mendengar doa kita.” (Sto Pio of Pietrelcina)

11. “Tuhan membenarkan kita gagal tetapi bukan berputus asa.” (Sto Teresa dari Calcutta)

12. “Ketika dalam kesusahan, bayangkan ini: Menjadi pengemis di hadapan Tuhan dan di hadapan para kudus. Mohonlah diberikan kekuatan dan pertolongan.” (Sto Philip Neri)

13. “Letakkanlah semua keluh kesah, kekhuatiran dan penderitaan mu di kaki kayu salib, Salib akan menjulangnya ke syurga bagi pihak kita.” (Sto Yohanes Vianney) — *Aleteia*



PENULIS BERKICAU

Mampukah ChatGPT selesaikan persoalan moral?

Artificial Intelligence (AI) atau Kecerdasan Buatan adalah ilmu untuk membuat mesin yang dapat berfikir seperti manusia. Mesin ini dapat melakukan hal-hal yang dianggap “pintar”.

Teknologi AI dapat memproses data dalam jumlah besar dengan cara yang tidak seperti manusia.

Tujuan AI adalah untuk dapat melakukan hal-hal seperti mengenali pola, membuat keputusan dan menilai seperti manusia.

Dalam bentuk yang paling sederhana, Kecerdasan Buatan merangkum bidang yang menggabungkan ilmu komputer dengan kumpulan data kuat untuk memungkinkan pemecahan masalah.

Ini mencakup sub-bidang seperti pembelajaran mesin dan pembelajaran mendalam, yang sering dihubungkan dengan kecerdasan buatan. Bidang ini terdiri dari algoritma AI yang berusaha mencipta sistem pakar untuk membuat jangkauan (*prediction*) atau klasifikasi berdasarkan data masukan.

Seiring perkembangan teknologi yang semakin baik, alat baru akan terus bermunculan untuk mengoptimalkan kehidupan dan aktiviti sehari-hari.

ChatGPT adalah salah satu inovasi yang mengubah cara kita melakukan pendekatan terhadap pekerjaan dan akademik.

Dengan perkembangan zaman dan teknologi yang semakin pesat, kita umat Katolik tidak menutup mata terhadap semuanya itu. ChatGPT boleh dianggap sebagai sesuatu yang positif kerana ia dapat meningkatkan produktiviti kerja dan dalam bidang akademik.

Berlimpahnya informasi melalui AI harus diakui sebagai penambah sumber rujukan khususnya bagi para pelajar Katekismus dan seminarian.

Namun begitu, sebagai pelajar Katekismus, sebagai calon paderi, mahupun kita umat awam yang mahu mendalami Kitab Suci, pembelajaran dan maklumat bukan sahaja diperolehi dari buku atau dokumen tetapi melibatkan perasaan serta renungan yang mendalam sama ada dari sisi kognitif maupun afektif.

Apa yang dihasilkan melalui jawapan dari mesin ChatGPT tentu sangatlah berbeza dengan jawapan kemanusiaan. Apakah ChatGPT memiliki perasaan? Tentu saja tidak, kerana ChatGPT merupakan sarana melalui mesin yang membantu dalam proses bekerja manusia.

Sebagai contoh, calon paderi yang dalam pembentukan mempelajari Teologi Moral di mana mereka seringkali diajak untuk memecahkan sebuah permasalahan. Saya yakin, hal ini tidak dapat dijawab secara kritis oleh AI melalui ChatGPT, sebab ia memerlukan jawapan kemanusiaan melalui afeksi yang diharapkan untuk menyelesaikan sebuah persoalan dalam moral.

Bertahun-tahun sebelum keluaran sistem chatbot GPT-4 yang dibangunkan oleh OpenAI yang mula beroperasi di San Francisco, Vatikan sudah banyak terlibat dalam dialog tentang etika kecerdasan buatan, menganjurkan perbincangan di pelbagai peringkat dengan saintis dan eksekutif teknologi mengenai etika kecerdasan buatan pada 2016 dan 2020.

Bapa Suci Fransiskus dalam pesan damai Januari 1, 2024 memberi tumpuan kepada kecerdasan buatan dan menegaskan perlindungan martabat seseorang dan kepedulian terhadap persaudaraan yang secara efektif terbuka bagi seluruh keluarga manusia,” merupakan “syarat yang sangat diperlukan untuk perkembangan teknologi bagi menyumbang dalam mempromosikan keadilan dan perdamaian di dunia.”

Kita penerus nubuat Yesaya

MIRI: Semasa rakyat Israel menderita selama 50 tahun di pembuangan, akhirnya mereka dapat kembali ke tanah air mereka. Namun, pada ketika itu, kota Yerusalem telah musnah, rumah ibadat telah binasa dan dinding kota tidak teguh serta masih diancam musuh," kata Uskup Richard Ng yang memimpin Misa Krisma di Katedral St Joseph pada Mac 13.

Prelatus itu memulakan homilinya dengan menyentuh sedikit sejarah pada tahun 587 Sebelum Masihi yang mencatatkan kesedihan dan kekecewaan orang-orang Israel setelah kembali ke kota Yerusalem selepas beberapa dekad hidup dalam pembuangan.

Uskup Richard juga sempat memberitahu umat bahawa beliau telah menyampaikan homili kepada para paderi di sebelah pagi, semasa retreat. Oleh itu, homili yang disampaikan dalam Misa Krisma ini adalah ditujukan untuk semua umat beriman.

Meneruskan penceritaannya mengenai sejarah semasa era Nabi Yesaya, Uskup Richard mengatakan "Semasa orang-orang Israel sedang berdukacita dan kehilangan harapan kerana kota dan Bait Tuhan yang telah



Misa Krisma di Keuskupan Miri dirayakan pada Mac 13, di Katedral St Joseph.

hancur, Tuhan telah mengutus Nabi Yesaya untuk menyampaikan nubuat, memberi semangat dan harapan bahawa mereka boleh membangunkan semula kota Yerusalem."

Membangunkan kota Yerusalem tidak hanya terjadi pada masa Nabi Yesaya tetapi nubuat itu dipenuhi oleh Yesus, 500 tahun kemudian.

Pembacaan Injil Lukas bab empat menyatakan kenyataan misi Yesus iaitu "Roh Tuhan ada pada-Ku, oleh sebab Ia telah mengurapi Aku, untuk menyampaikan kabar baik kepada orang-orang miskin; dan Dia telah mengutus Aku untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan,

dan penglihatan bagi orang-orang buta, untuk membebaskan orang-orang yang tertindas, untuk memberitakan tahun rahmat Tuhan telah datang."

Kitalah penerus kenyataan misi Yesus. Bagaimana? Melalui urapan minyak krisma yang kita terima dari Sakramen Pembaptisan dan Sakramen Penguatan.

Urapan minyak Krisma bermakna kita dirupai oleh Roh Kudus dan menerima kuasa daripada-Nya untuk membawa Berita Baik khususnya kepada "tawanan, buta dan tertindas."

Dengan membawa Berita Baik, seperti

Nabi Yesaya dan Yesus, kita membawa harapan dan kasih Tuhan kepada mereka yang memerlukan.

Adakah tugas ini berat? Uskup Richard menasihati agar kita melakukan tugas kenabian ini bukan dengan tergesa-gesa.

"Lakukan satu dahulu. Pilih satu, misalnya mungkin kita mahu lebih bermurah hati atau mahu berkongsi iman. Setelah selesai, baharulah tetapkan matlamat seterusnya," ujar Uskup Richard.

"Jangan sia-siakan urapan Roh Kudus ini. Gunakanlah ia untuk membangun Kerajaan Tuhan!"



Uskup Julius sedang memberkati minyak-minyak suci dalam Misa Krisma, Mac 14 di Katedral St Mary, Sandakan.

Misa Krisma, Misa Kesatuan

SANDAKAN: Dalam sukacita memperbaharui janji imamat dan memberkati minyak-minyak Suci, Uskup Julius Dusin Gitom mengingati paderi yang telah meninggal dunia pada Disember 2023, Fr Marcellinus Pongking dan Fr Thomas Makajil yang sedang menjalani rawatan di Kota Kinabalu.

Misa Krisma di Keuskupan Sandakan dirayakan pada Mac 14 di Katedral St Mary.

Misa Krisma menunjukkan persatuan antara para Paderi dengan Uskup mereka. Kehadiran Paderi dan Uskup adalah hasil dari perkongsian pentahbisan imamat mereka dalam Kristus. Mereka berkongsi memikul tanggungjawab suci, mengajar serta membina masyarakat kudus Tuhan.

Dalam homilinya, Uskup Julius menyatakan minyak-minyak yang diberkati mempunyai kaitan rapat dalam pelayanan kepaderian.

Bapa Uskup juga mengingatkan para paderi agar mengenang kembali ikrar imamat mereka semasa mereka ditahbiskan iaitu berusaha untuk hidup kudus, setia melayani sakramen-sakramen dan upacara liturgi.

Prelatus itu juga menyelitkan kisah Uskup David O'Connell dari Los Angeles. Beliau merupakan uskup yang ditembak mati di Gereja Katolik St John Vianney, Los Angeles. Uskup O'Connell dikenali sebagai pejuang migran dan pembawa damai.

Dalam salah satu pesannya sebelum maut, Uskup O'Connell mengingatkan

para paderi akan tanggungjawab mereka dan menjaga kata-kata mereka.

Mendiang uskup itu menyeru para paderi agar selalu bercakap tentang kebenaran, berkhotbah, mengajar dan menasihati umat beriman untuk mendengar firman Tuhan.

Kepada hadirin, prelatus itu menyeru mereka agar tidak hanya mendoakan para Paderi, tetapi juga memberi sokongan, membantu para Paderi dalam menyebarkan Khabar Gembira melalui bakat-bakat mereka serta mendoakan panggilan di Keuskupan Sandakan.

"Saya sangat bersyukur di atas kepercayaan, cinta kasih dan sokongan anda semua. Marilah melayani bersama. Bersama-sama kita membangun kerajaan Tuhan di dunia," ujar Uskup Julius.

Uskup Agung seru umat berdoa untuk panggilan

KUALA LUMPUR: "Dipilih dari antara manusia, ditetapkan bagi manusia dalam hubungan mereka dengan Tuhan bagi mempersembahkan persembahan dan korban," petikan dari Ibrani 5:1 ini dibacakan oleh Uskup Agung Julian semasa memimpin Misa Krisma pada Mac 19 lalu di Gereja Christ the Light, Desa Jaya.

Turut hadir dalam Misa Krisma itu ialah wakil Sri Paus ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski.

Dalam homilinya, Uskup Agung Julian menyatakan keindahan kesatuan para paderi dan Uskup semasa merayakan Misa Krisma.

Meminjam kata-kata Sto Yohanes Marie Vianney yang menyatakan bahawa imamat adalah cinta dan jantung Yesus. Apabila hati itu murni, ia tidak boleh lari dari mencintai kerana ia telah menemui sumber cinta sejati iaitu Tuhan.

Prelatus itu juga mengingatkan umat bahawa para paderi adalah manusia biasa.

Adakalanya mereka akan dilanda tekanan, keletihan, fikiran untuk mengundurkan diri dan banyak lagi.

Oleh itu, Uskup Agung Julian menyeru para paderi untuk meniru semangat Sto Yosef, suami Bonda Maria, yang pestanya dirayakan pada hari tersebut, di mana santo itu juga terkenal dengan gelarnya sebagai pelindung, penjaga dan model iman.

"Para paderi yang dikasihi, saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada anda semua kerana anda sentiasa melayani serta menjalankan tanggungjawab anda dengan sekuat tenaga anda."

"Saya tahu, anda sering ditolak, disalah fahami, usaha anda tidak dihargai tetapi saya tahu, anda selalu menyerahkan diri melalui pelayanan anda kepada Tuhan," kata Uskup Agung Julian.

"Meskipun sebagai manusia biasa dan mempunyai pelbagai kelemahan, Tuhan memanggil untuk menjadi alat-Nya. Kita diingatkan dalam pentahbisan imamat kita

bahawa dikonsekrasikan kepada Yesus Kristus, sebagai ketua dan gembala Gereja serta membimbing Gereja melalui Roh Kudus."

Uskup Agung Julian turut mengingatkan umat tentang kekurangan paderi. Katanya pada tahun lalu, tidak ada pentahbisan imamat dan tidak ada kemasukan seminarian di seminari bagi Keuskupan Agung Kuala Lumpur. Dan ramai paderi di Keuskupan Agung sudah tua, sakit dan sukar melakukan pergerakan.

"Adakah kita sekarang mengalami krisis panggilan? Tidak. Belum lagi. Tetapi tanda-tanda ke arah itu sudah ketara."

"Kita tahu bahawa kesuburan panggilan bersumber kepada perkahwinan yang kudus dan galakan ibu bapa kepada anak-anak mereka untuk menyahut panggilan Tuhan," kata Uskup Agung di akhir homilinya.

Misa Krisma kemudiannya diteruskan dengan pembaharuan janji paderi dan pemberkatan minyak-minyak suci.

